



Rujukan Kami : SPA.(S)KT/015/98/(7)

Tarikh : 19 Ogos 2015

Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Paras 45, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10503 PULAU PINANG
(u.p.: Encik Ahmad Rizal bin Mohd Hanapiah)

Tuan,

**PERWAKILAN KUASA BAGI MENAWARKAN OPSYEN PERTUKARAN
PELANTIKAN PELBAGAI SKIM PERKHIDMATAN KE SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N22/N17 DAN
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W17 DI PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Dengan hormatnya surat tuan rujukan PSUKPP/01/0251/0781/3(23) bertarikh 1 Jun 2015 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dalam mesyuarat yang ke-2725 pada 17 Ogos 2015 telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen kepada 34 orang pegawai dalam pelbagai skim perkhidmatan Ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22/N17 dan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti di **Lampiran A**.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) tarikh kuat kuasa tawaran opsyen adalah mulai **1 Mac 2015**;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;
- (iii) gaji yang ditawarkan adalah seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002;
- (iv) kelulusan pertukaran pelantikan melalui opsyen secara pukal sekiranya terdapat pegawai yang tercicir dalam urusan opsyen ini tanpa perlu diangkat semula ke Suruhanjaya;

...2/-


- (v) mewakilkan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menawarkan opsyen kepada pegawai-pegawai yang terlibat; dan
- (vi) mewakilkan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen kepada pegawai yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”

Saya yang menurut perintah,



(FARIHAN BINTI SAID HASSAN)
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia.

☎ : 03-8885 6236
☎ : 03-88885039
✉ : farihan@spa.gov.my

s.k.:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Cawangan Operasi Perkhidmatan
Aras 1, 6 dan 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Nur Iskandar bin Nur Dzainuddin)